

Had usia persaraan penjawat awam kekal 60 tahun

Kuala Lumpur: Jemaah Menteri memutuskan had usia persaraan penjawat awam kekal pada 60 tahun, berikutan tiada keperluan untuk melaksanakan peningkatan had usia sekarang.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil, berkata keputusan itu dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri, semalam.

“Kerajaan memutuskan tiada keperluan untuk melaksanakan peningkatan had usia persaraan buat masa ini. Oleh demikian, had usia persaraan bagi penjawat awam kekal pada usia 60 tahun,” katanya dalam kenyataan semalam.

Pada 21 Ogos lalu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam disaran

mengkaji cadangan menaikkan usia persaraan wajib penjawat awam kepada 65 tahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, dilaporkan berkata, itu seperti dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam ucapan pembentangan RMK13 di Parlimen, namun kajian hanya dimulakan selepas pelaksanaan RMK13.

Beliau berkata, beberapa negara menetapkan usia persaraan lebih tinggi berbanding Malaysia, antaranya Singapura (62 tahun) dan negara Scandinavia sehingga 70 tahun.

Malaysia sendiri mempunyai skim tertentu dengan usia persaraan lebih panjang seperti hakim yang bersara pada usia 66 tahun.

Bukan perkara luar biasa

Justeru, ia bukan perkara luar biasa untuk kerajaan mempertimbang peningkatan usia itu.

Mei tahun lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Ins-

titusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, mencadangkan kerajaan mempertimbang cadangan menaikkan usia persaraan wajib daripada 60 kepada 65 tahun.

Azalina dilaporkan berkata, menjadi kerugian jika individu diwajibkan bersara pada usia 60 tahun, sedangkan mereka masih sihat, bertenaga dan mampu menyumbang secara produktif kepada tenaga kerja negara.

Ketika ini, usia persaraan wa-

jib bagi penjawat awam di Malaysia ditetapkan pada 60 tahun, yang juga usia persaraan minimum bagi sektor swasta mengikut Akta Umur Persaraan Minimum 2012.

Had usia persaraan itu dinaikkan secara berperingkat daripada 55 kepada 56 tahun pada 2001, kemudian kepada 58 tahun pada 2008, sebelum dinaikkan kepada 60 tahun mulai Januari 2012.

Ibadat&Fadilat

Sayidina Ali RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:
“Wahai ahli al-Quran (orang Islam), tunaikanlah solat witir.
Sesungguhnya Allah SWT itu witir dan Dia sukakan witir.”
(HR Abu Daud)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:54	1:26	4:51	7:39	8:55
Alor Setar	5:54	1:26	4:51	7:39	8:55
P. Pinang	5:57	1:26	4:51	7:368	8:53
Ipoh	5:57	1:24	4:49	7:34	8:49
Kuala Lumpur	5:56	1:21	4:46	7:30	8:45
Shah Alam	5:56	1:21	4:46	7:30	8:45
Johor Bahru	5:50	1:12	4:37	7:18	8:33
Kuantan	5:51	1:15	4:41	7:23	8:38
Seremban	5:56	1:20	4:45	7:27	8:42
Bandar Melaka	5:55	1:19	4:44	7:25	8:40
Kota Bharu	5:49	1:19	4:44	7:31	8:42
K. Terengganu	5:46	1:15	4:40	7:26	8:41
Kota Kinabalu	4:53	12:23	3:48	6:35	7:51
Kuching	5:25	12:48	4:12	6:53	8:08



Kerajaan memutuskan tiada keperluan untuk melaksanakan peningkatan had usia persaraan buat masa ini.
(Foto fail NSTP)